



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH HALAMAN RUMAH  
BERSIH DAN INDAH  
&

PENGISYTIHARAN PERMATANG NIBONG SEBAGAI  
KAMPUNG *CIRCULAR ECONOMY*

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**27 DISEMBER 2020 (AHAD)**  
**10.30 PAGI**

**DEWAN ORANG RAMAI**  
**PERMATANG NIBONG**  
**PERMATANG PAUH**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Encik Tan Choo Eng**  
Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Juga penceramah dalam program hari

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Rosli Bin Ishak**  
Pengerusi Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad

**Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim**  
Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para Penduduk Permatang Nibong**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Halaman Rumah Bersih Dan Indah serta Pengisytiharan Permatang Nibong Sebagai Kampung *Circular Economy* di Dewan Orang Ramai, Permatang Nibong.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada hari ini.

Terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Dihormati Encik Tan Choo Eng, Ahli Majlis MBSP yang menaja dan menyumbangkan hadiah-hadiah berbentuk barang elektrik. Beliau juga telah sudi untuk memberi ceramah bertajuk “Kepelbagai Burung Air di Seberang Perai” sebentar tadi.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Anas Bin Mohd Kassim, Pengurus Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad; Encik Rosli Bin Ishak, Pengurus Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad serta para penduduk Permatang Nibong yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program pada pagi ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong 2020 yang diadakan hari ini bukan sahaja menjalinkan kerjasama di antara MBSP dengan masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Pendidikan mengenai pemulihan alam sekitar ini sebaiknya bermula dari rumah.

Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong 2020 ini merupakan tahun ketiga ianya diadakan. Sejak Pertandingan

Halaman Rumah Bersih dan Indah diadakan, MBSP menerima sambutan yang menggalakkan daripada warga Permatang Nibong. Pada tahun ini sebanyak 48 penghuni telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Malah keadaan halaman rumah masing-masing telah bertambah ceria dan penduduk mendapat menikmati sayur-sayuran yang ditanam oleh mereka sendiri.

Kampung Permatang Nibong adalah salah satu perkampungan di Seberang Perai yang telah terlibat dengan program-program komuniti mampan sejak tahun 2012. Pada 16 September 2019, Kampung Permatang Nibong telah diisytiharkan sebagai Kampong *Upcycle*. Permatang Nibong dipilih kerana kreativiti dan inovasi serta komitmen penduduk di sini mengumpul barang-barangan yang dibuang untuk dijadikan kraftangan serta menghasilkan produk-produk *upcycle* yang menarik dan boleh dipasarkan. Melalui Koperasi Lestari Alam Sekitar dan Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Berhad, promosi dan jualan produk *upcycle* telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Penduduk Kampung Permatang Nibong merupakan salah satu daripada 19 komuniti di Seberang Perai yang aktif menjalankan kebun kejiran (community farming) dan hasil sayur-sayuran yang ditanam dan dibahagikan sesama penduduk yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.

Kampung ini juga telah mengambil inisiatif dengan melibatkan diri dalam bidang menjahit, menganyam dan memanik dalam usaha mengguna semula pembungkus plastik atau *doy pack* yang tidak dapat dikitar semula atau dibuang sebagai sampah untuk dijadikan barang seperti beg. Selain itu, menghasilkan anyaman dan memanik atau membuat aksesori seperti gelang atau rantai daripada kertas majalah terpakai yang mempunyai nilai pasaran. Di sinilah bermulanya industri *upcycle* di Permatang Nibong.

Komuniti-komuniti yang lain yang aktif dalam penyediaan dan penjualan barang *upcycle* adalah Kampung Kepala Gajah, Kampung tun Saedon, Bukit Minyak dan Macang Bubok. Manakala, karnival *upcycle* pula diadakan di Autocity & Design Village

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Dengan penubuhan Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad telah memastikan kemampunan program yang dilaksanakan di Kampung Permatang Nibong dan membantu penduduk menjana satu perniagaan di mana “sampah dapat ditukar kepada wang” dan ia bukan lagi sebagai hobi. Koperasi ini menjadi agen pemasaran bahan-bahan yang dihasilkan oleh penduduk. Dengan cara ini membantu dalam pembiayaan

perbelanjaan pengurusan dan menjana pendapatan tambahan ahli-ahli koperasi. Di sini kita dapat melihat konsep *circular economy* dikembangkan dengan jayanya di kalangan masyarakat Kampung Permatang Nibong.

Di Kampung Permatang Nibong ini juga terdapat aktiviti penanaman padi organik. Kombinasi antara keindahan landskap dan aktiviti penanaman padi organik diharap satu hari nanti, mampu menjadikan Kampung Permatang Nibong sebagai salah satu pusat agro pelancongan.

Penduduk Kampung Permatang Nibong juga telah terlibat dalam Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong, yang menilai setiap rumah dan penghuninya dari segi kecantikan dan kebersihan kawasan atau perkarangan rumah masing-masing dan penglibatan mereka dalam mengamalkan kitar semula dan sisa sifar.

Di samping itu, pembiakan lalat askar hitam (BSF) juga dilaksanakan di sini. Lalat ini membantu dalam menukar sisa makanan menjadi protin dan kompos yang boleh dijual bagi menambah pendapatan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Atas dasar penglibatan secara aktif dalam kegiatan kitar semula dan aktiviti kehijauan, Kampung Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah dan Taman Perumahan Bagan Lalang, Seberang Perai Utara telah dipilih untuk Program Kajian Kes Projek Perintis di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Penang Green Council dengan kerjasama UN Environment Programme (UNEP), *the Coordinating Body on the Seas of East Asia* (COBSEA) dalam pelaksanaan projek serantau dan disokong oleh Kerajaan Sweden melalui International Development Cooperation Agency (SIDA). Mereka mengambil bahagian dalam mendokumentasikan kajian kes untuk membantu mengenal pasti dan mengembangkan penyelesaian berdasarkan-pasaran (*market-based solutions*) dalam usaha mengurangkan plastik, mempromosikan kitar semula dan meningkatkan pencarian dan pemulihan plastic (*plastic recovery*).

Secara amnya, program ini bertujuan mengurangkan kesan buruk pencemaran plastik terhadap persekitaran laut, dengan mengubah pengurusan plastik dan mencegah kebocoran sampah. Program Kajian Kes Projek Perintis adalah untuk mengembangkan *circular economy* di kalangan masyarakat berhubung kitar semula plastik dan memastikan kelestarian

jangka panjang dan membantu dalam mengurangkan sampah sarap dan buangan dihantar ke tapak pelupusan.

Selain itu, ia juga dapat mewujudkan budaya atau norma baharu di kalangan masyarakat bersama-sama melaksanakan aktiviti-aktiviti secara fizikal dan berkesan dalam pencegahan pencemaran alam.

Dalam kajian soal-selidik ini, seramai 159 ketua isi rumah di temubual iaitu 81.12% daripada 196 rumah yang terdapat di Kampung Permatang Nibung. Hasil kajian mendapati hasil sampah adalah 79.39 kg/hari iaitu 0.108 kg/kapita. Kategori sampah yang dikenalpasti adalah kertas 6%, sisa makanan 44.04%, plastik 11.67%, logam 3.05%, bukan Logan 2.45%, lava 5.57%, kain 0.23%, getah 0.49%, e-waste 2.88%, dan lain-lain 33.62% yang antara lainnya terdiri daripada diaper dan pembungkus nasi lemak.

Kampung Permatang Nibong boleh menjadi contoh kampung *circular economy* di mana sisa-sisa buangan seperti kertas, plastik, kain, sisa makanan, minyak masak terpakai dan sisa pertanian boleh diubah menjadi aset untuk memperolehi pendapatan samping. Dan dalam masa yang sama memastikan kelestarian jangka panjang dan membantu dalam

mengurangkan sampah sarap dan sisa buangan dihantar ke tapak pelupusan.

Dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun kejiranan, pengumpulan barang buangan dan juga penghasilan barang upcycle menunjukkan kesungguhan warga Kampung Permatang Nibong dalam mewujudkan komuniti sisa sifar.

Atas dasar penglibatan Kampung Permatang Nibong secara aktif sekian lama dalam kegiatan dan usaha mengumpul barang kitar semula dan barang-barangan elektrik dan elektronik yang dibuang; membuat barang-barangan *upcycle* daripada plastik, kertas, perca kain, dan lain-lain barang yang dibuang dan seterusnya menjual barang tersebut untuk menambah pendapatan; membuat pengkomposan sisa-sisa dapur dan organik untuk menjadi baja bagi penanaman sayur-sayuran secara organik dan juga pokok-pokok hiasan di halaman rumah masing-masing; membiak lalat askar hitam yang membantu dalam menukar sisa makanan menjadi protein dan kompos yang boleh dijual bagi menambah pendapatan; dan menambah nilai plastik yg dikumpul, maka pada hari ini Kampung Permatang Nibong diisyiharkan sebagai Kampung *Circular Economy*.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kita juga seharusnya berterima kasih dan memberikan penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang membantu dalam pencapaian kejayaan yang dinikmati oleh penduduk Kampung Permatang Nibong ini iaitu:-

- a. CIMB Foundation yang membantu mewujudkan masyarakat kitar semula dan kaedah-kaedah pengkomposan pada tahun 2011 sehingga 2012;
- b. Pusat Sumber Alam Sekitar Desa Damai yang menjadi fasilitator dalam pelaksanaan Program CIMB Foundation;
- c. Auto City yang menaja Kelas Foundation dan mengatur tenaga pengajar daripada Filipina untuk melatih wakil penduduk kampung dalam bengkel *upcycle* serta menaja mesin jahit dan bio gas.

- d. First Solar Malaysia yang menaja 16 buah panel solar bekapasiti 1.4kW;
  
  
  
  
  
  
  
- e. TES-Ann yang menaja pusat pengumpulan barang elektrik dan elektronik terpakai;
  
  
  
  
  
  
  
- f. Flex Penang yang menaja hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah pada tahun 2018;
  
  
  
  
  
  
  
- g. South Island Garment Sdn. Bhd. Yang menaja hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah tahun 2019.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang Pertandingan Halaman Bersih dan Indah. Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Kampung Permatang Nibong dan dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun

kejiranan, pengumpulan barang buangan dan juga penghasilan barang *upcycle* menunjukkan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan dalam mewujudkan komuniti sisa sifar.

## SYABAS dan TAHNIAH!

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat dan sejahtera. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**